



Misiah
Taib

misiah@bharian.com.my

Memastikan SUPP jadi pilihan Cina Sarawak

Berita Harian 19/5/2010 M/S 21

Calon DAP menang di Sibü kerana pengundi marah kepada komponen BN negeri

"KAMI bukan anti-Barisan Nasional (BN) tapi kami sudah bosan dengan Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) yang pemimpinnya asyik bertelagah sesama sendiri. Nampak gaya SUPP tidak belajar daripada kekalahan teruk pada Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri 2006," demikian komen seorang pengundi lelaki berusia 58 tahun hadir pada majlis mesra rakyat di Rajang Park, Sibü.

Namun pengundi Cina yang enggan namanya disiarkan itu turut mengakui cukup senang dengan pendekatan Datuk Seri Najib Razak, yang kerap turun padang melakukan tinjauan mesra. "Pemimpin dan wakil rakyat di Sibü jarang tunjuk muka, jarang turun padang jenguk masalah kami. Mereka patut ikut cara Perdana Menteri kita," katanya.

Penduduk di kawasan Melayu dan Iban yang ditemui juga mengadu perkhidmatan diberikan terlalu perlahan untuk sampai kepada mereka. Malah ada mengadu seperti memperbaiki jambatan kayu yang rosak akibat banjir pun belum tertunai sedang ikrar sudah lama diberi. Akibatnya, BN menerima padah pada pilihan raya kecil Parlimen Sibü, 16 Mei lalu.

Tidak sampai 24 jam selepas keputusan pilihan raya itu diumumkan menyaksikan kubu kuat BN itu jatuh ke tangan pembangkang, Presiden SUPP, Tan Sri Dr George Chan Hong Nam, tampil mengakui rasa kurang senang masyarakat Cina di Sibü terhadap parti itu sebagai

punca kekalahan BN.

Tsunami politik di Sarawak sebenarnya bermula pada Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri 2006, terutama membabitkan SUPP - parti tertua diasaskan pada 1959 itu. Semua masih ingat SUPP kalah teruk di lapan kerusi dalam pilihan raya 2006. Rentetan kekalahan itu, SUPP mula retak sehingga timbul desakan supaya Dr Chan melepaskan jawatan dan beliau kemudian akur. Namun atas sebab tertentu, perancangan Dr Chan berundur akhirnya tidak menjadi kenyataan. Sebelum itu nama Pengerusi SUPP Sibü, Datuk Seri Wong Soon Koh, juga Menteri Kewangan Kedua Sarawak, berada di carta teratas, sebagai pengganti.

Namun belum pun reda krisis akibat kekalahan besar SUPP pada 2006, muncul masalah baru susulan penubuhan Cawangan Dudong di Sibü oleh kumpulan diketuai Menteri Muda Perumahan dan Pembangunan Bandar, Datuk Dr Soon Choon Teck, juga Ahli Dewan Undangan Negeri Dudong, menyebabkan SUPP Sibü pecah dua.

Dudong terletak dalam Parlimen Lanang. Cadangan penubuhan SUPP Cawangan Dudong sebagai cawangan baru mulanya dipersejuti peringkat Jawatankuasa Pusat parti tetapi dibatalkan kemudian. Apabila Choon Teck meneruskan hasrat menubuhkan Cawangan Dudong, krisis bertambah parah sehingga Pendaftaran Pertubuhan mengisytiharkan penubuhan cawangan itu tidak sah.



SEORANG warga emas menunjukkan kertas yang tertera nama beliau sebagai pengundi Pilihan Raya Kecil Sibü.

Masalah dalaman SUPP berterusan biarpun cuba disembunyikan. Malah masyarakat Cina menjadikan SUPP tempat berlindung sejak 51 tahun lalu, terutama di Sibü, mula bosan. Parti itu sedaya upaya menutupinya termasuk ketika pilihan raya kecil Parlimen Sibü, namun kehadiran pemimpin yang ti-

dak sebulu di pentas sama gagal menambat hati penyokong setia SUPP termasuk pengundi yang tahu semua itu lakonan semata-mata.

Jentera SUPP di peringkat akar umbi dikatakan tidak efektif, terutama di kalangan puak bertelagah kerana marah susulan krisis penubuhan Cawangan Dudong. Ja-

tuhnya kerusi Parlimen Sibü ke tangan DAP sebenarnya manifestasi kemuncak kemarahan masyarakat Cina Sibü kepada SUPP.

Jentera kempen SUPP di Sibü begitu hambar sehingga tanggungjawab memenangi sokongan pengundi lebih banyak digalas bahu parti komponen lain.

GAMBAR: HASAN